



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

RAMADAN DINIKMATI, AL-QURAN DIRENUNGI

Tarikh Dibaca:

**13 RAMADAN 1446H /
14 MAC 2025**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذَا قِيلَ اسْلُكُوا الْمَسْجِدَ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

RAMADAN DINIKMATI, AL-QURAN DIRENUNGI

14 MAC 2025 / 13 RAMADAN 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ

عَلَىٰ مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾ البقرة: ١٨٥

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Suka untuk saya mengingatkan saudara-saudara sekalian agar tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan berhentilah dahulu dari bermain telefon bimbit. Dengar dengan tekun khutbah yang saya akan sampaikan pada hari ini. Mudah-mudahan ia membawa banyak pengajaran kepada kita semua. Pada hari ini saya akan menyampaikan khutbah bertajuk: “**Ramadan Dinikmati, Al-Quran Direnungi**”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana sehingga ke hari ini, iaitu 13 Ramadan, Allah SWT masih lagi memberi kita peluang untuk menikmati Ramadan yang penuh berkat. Mudah-mudahan Allah SWT terus memberikan kita kekuatan dan peluang untuk terus melaksanakan amal ibadah terutamanya ibadah puasa dengan tenang, senang dan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT.

Besar ganjarannya bagi orang yang berpuasa dengan ikhlas. Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *radhiallahu anhu* bahawa Rasulullah SAW menyampaikan firman Allah SWT:

كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ لَهُ إِلَّا الصِّيَامَ، فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ، وَالصِّيَامُ جُنَّةٌ، فَإِذَا كَانَ يَوْمُ صَوْمِ أَحَدِكُمْ، فَلَا يَرَفْثُ وَلَا يَصْخَبُ، فَإِنْ سَابَهُ أَحَدٌ، أَوْ قَاتَلَهُ، فَلْيَقُلْ: إِنِّي صَائِمٌ. وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ، لَخُلُوفُ فَمِ الصَّائِمِ، أَطْيَبُ عِنْدَ اللَّهِ مِنْ رِيحِ الْمِسْكِ، لِلصَّائِمِ فَرَحَتَانِ: يَفْرَحُهُمَا، إِذَا أَفْطَرَ فَرَحٌ، وَإِذَا لَقِيَ رَبَّهُ فَرَحٌ بِصَوْمِهِ

Maksudnya: “Setiap amalan anak Adam adalah untuknya, kecuali puasa. Sesungguhnya puasa itu untuk-Ku, dan Aku sendiri yang akan memberikan ganjarannya. Dan puasa itu adalah perisai. Maka apabila seseorang dari kamu berpuasa, janganlah dia berkata kotor dan jangan pula dia berteriak-teriak. Jika ada seseorang mencacinya atau mengajaknya bertengkar, hendaklah dia berkata: ‘Sesungguhnya aku berpuasa’. Demi Zat yang jiwa Muhammad berada dalam genggamannya! Sungguh, bau mulut orang yang berpuasa lebih harum di sisi Allah daripada bau kasturi. Bagi orang yang berpuasa ada dua kebahagiaan: satu ketika dia berbuka dan satu lagi ketika dia bertemu dengan Tuhannya kerana puasanya”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Kesempatan berada dalam Bulan Ramadan ini juga mari kita manfaatkan dengan memperbanyak membaca dan merenungi maksud dari al-Quran al-Karim. Ia juga mengambil keberkatan sempena penurunannya yang berlaku dalam bulan yang suci ini.

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 185 yang saya bacakan pada awal khutbah tadi:

“Bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah”.

Imam al-Qurtubi melalui *Tafsir al-Jāmi' li Ahkām al-Quran* menjelaskan bahawa al-Quran menjadi petunjuk kepada seluruh manusia dengan membawa hukum-hakam dan panduan bagi kehidupan. Beliau turut menjelaskan bahawa Ramadan merupakan bulan ibadah dan ketaatan yang meningkatkan hubungan dengan wahyu Allah SWT. Selain itu, turunya al-Quran menjadikan Ramadan sebagai bulan yang istimewa dan penuh keberkatan. Imam al-Qurtubi turut menyatakan bahawa penurunan al-Quran dalam Bulan Ramadan juga berkait rapat dengan puasa, yang mana puasa menjadi medium pembersihan jiwa untuk manusia lebih mudah menerima hidayah al-Quran.

SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Al-Quran sangat penting kepada kita kerana peranan utamanya ialah memberi petunjuk kepada manusia.

Imam at-Tabari dalam *Tafsir al-Jāmi' al-Bayān* menjelaskan bahawa al-Quran disebut sebagai *"hudā"* (petunjuk) kerana ia mengandungi panduan kehidupan, akidah, hukum-hakam, dan etika sosial yang membawa manusia kepada kebahagiaan dunia dan akhirat. Perkataan *"bayyināt"* pula bermaksud bahawa al-Quran memberikan bukti yang jelas tentang kebenaran Islam. Manakala *"al-furqan"* bermaksud al-Quran memisahkan antara kebenaran dan kebatilan, yang seterusnya membimbing manusia untuk membuat keputusan yang betul dalam kehidupan.

Imam al-Qurtubi pula dalam tafsirnya menjelaskan bahawa al-Quran membawa petunjuk kepada seluruh manusia, bukan hanya kepada umat Islam, kerana ia mengandungi prinsip keadilan, kasih sayang, dan kebebasan yang sesuai untuk semua manusia. Hanya orang yang beriman dan bertakwa akan memperoleh manfaat sepenuhnya daripada al-Quran.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 2:

﴿ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ﴾

Maksudnya: “Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa”.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Al-Quran turut memainkan peranannya sebagai penyelesai bagi setiap masalah yang dihadapi oleh manusia.

Allah SWT berfirman dalam Surah an-Nahl, ayat 69:

﴿وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِّكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِّلْمُسْلِمِينَ﴾

Maksudnya: “dan Kami turunkan kepadamu al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang menggembirakan, bagi orang-orang Islam”.

Berbagai bentuk ujian, cabaran dan permasalahan yang kita hadapi dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Maka, jangan sekali-kali kita tinggalkan al-Quran lebih-lebih lagi dalam Bulan Ramadan ini.

Imam Muslim meriwayatkan sebuah hadis yang sangat jelas tentang kelebihan dua perkara ini (iaitu puasa dan al-Quran). Sabda Rasulullah SAW:

مَثَلُ الصَّائِمِ وَالْقُرْآنِ يَشْفَعَانِ لِلْعَبْدِ، يَقُولُ الصَّيَّامُ: أَيُّ رَبِّ، مَنَعْتَهُ الطَّعَامَ وَالشَّهَوَاتِ
بِالنَّهَارِ، فَشَفَعْنِي فِيهِ، وَيَقُولُ الْقُرْآنُ: مَنَعْتَهُ النَّوْمَ بِاللَّيْلِ، فَشَفَعْنِي فِيهِ، فَيُشَفَّعَانِ

Maksudnya: “Puasa dan al-Quran akan memberi syafaat kepada seorang hamba pada hari kiamat. Puasa berkata: 'Wahai Tuhanku! Aku telah menghalangnya dari makan dan syahwat pada siang hari, maka berilah aku izin untuk memberi syafaat kepadanya'. Dan al-Quran berkata: 'Aku telah menghalangnya dari tidur pada waktu malam, maka berilah aku izin untuk memberi syafaat kepadanya'. Maka keduanya akan memberi syafaat”.

Lihatlah betapa besarnya kedua-dua perkara ini yang nanti akan memberi syafaat pada hari akhirat. Maka berusahalah melaksanakan ibadah puasa dengan sempurna dan bacalah al-Quran dan renungi maksudnya. Sesungguhnya al-Quran telah tersedia memberikan banyak solusi kepada permasalahan hidup baik masalah yang dihadapi oleh individu, keluarga, mahupun dalam hal kenegaraan seluruhnya.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, saya rumuskan beberapa perkara:

Pertama: Puasa adalah perisai. Allah SWT sendiri yang memberi pahala puasa kepada hamba-hamba-Nya. Maka, berpuasalah dengan sebenar-benar yang dikehendaki syarak.

Kedua: Ramadan merupakan bulan penyucian jiwa. Dengannya, manusia akan lebih mudah menerima pesanan yang terdapat dalam al-Quran al-Karim.

Ketiga: Al-Quran memiliki penyelesaian bagi setiap masalah sama ada yang dihadapi oleh individu, keluarga atau negara keseluruhannya. Tidak ada keraguan sedikit pun padanya kerana ia kalam Allah SWT buat panduan kita semua.

Renungkan firman Allah SWT dalam Surah al-Israa' ayat 82:

﴿وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَذُّهُبُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا﴾

Maksudnya: “Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ۝٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَّالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-فَرْتَوَانِ اكَوْغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاكِ فَرْمَايسُورِي اكَوْغْ، رَاكِ زَارِيْثُ صُوفِيَاةَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتِهِ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah! Berilah mereka kekuatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya Engkau Yang Maha Berkuasa. Ya Allah! Perbaikilah segala urusan kami dan urusan-urusan yang memberi kebaikan kepada umat Islam. Satukanlah hati kami seluruh umat Islam dan singkirkanlah perpecahan yang timbul dalam kalangan kami. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat-Mu ke atas kami dan jangan jadikan kami termasuk orang-orang yang terhalang dari nikmat-Mu. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kesengsaraan, kemarau, banjir, kezaliman, kesesatan, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Ya Allah! Bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.